



MESYUARAT JAWATANKUASA KUALITI UPM

KALI KE – 64

15 Disember 2025 (Isnin) | 9.30 pagi | Bilik Sidang Jurutera,
Fakulti Kejuruteraan, UPM.

AGENDA 11 – HAL-HAL LAIN

**TAKWIM AKTIVITI KUALITI PERKHIDMATAN
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
TAHUN 2026**

Berilmu Berbakti Pertanian • Inovasi • Kehidupan



LATAR BELAKANG:

Takwim Aktiviti Kualiti Perkhidmatan UPM Tahun 2026 ini adalah merupakan takwim yang dibangunkan secara tahunan di peringkat Jaminan Kualiti Perkhidmatan, Pusat Jaminan Kualiti, UPM. Takwim yang dibangunkan adalah merangkumi aktiviti kualiti perkhidmatan yang dirangka berdasarkan pelaksanaan dan pencapaian tahun semasa.

Aktiviti utama bagi Takwim Aktiviti Kualiti Perkhidmatan UPM Tahun 2026 adalah seperti berikut:

1. Audit Dalaman Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) ISO 9001:2015;
2. Audit Dalaman Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) ISO/IEC 27001:2022;
3. Penilaian Amalan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) UPM;
4. Audit SIRIM (Pemantauan Semakan II) Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) ISO 9001:2015;
5. Audit SIRIM (Pemantauan Semakan II) Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) ISO/IEC 27001:2022;
6. Kuat kuasa Dokumen ISO;
7. Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti UPM;
8. Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) ISO QMS & ISMS UPM; dan
9. Sambutan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan (HKIP) UPM 2025/2026.

TAKWIM AKTIVITI KUALITI PERKHIDMATAN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (UPM) TAHUN 2026

Bil	Perkara	Tarikh	Tempoh	Jan	Feb	Mac	April	Mei	Jun	Julai	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis
1.	AUDIT DALAMAN														
	(a) Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) ISO 9001:2015	1 April 2026 – 31 Mei 2026 [Dilaksanakan oleh PTJ mengikut tempoh audit yang ditetapkan dalam jadual audit PTJ masing-masing]													
	(b) Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) ISO/IEC 27001:2022	1 April 2026 – 31 Mei 2026 [Dilaksanakan oleh PTJ mengikut tempoh audit yang ditetapkan dalam jadual audit PTJ masing-masing]													
2.	PENILAIAN AMALAN EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)														
	Penilaian EKSA PTJ UPM	1 Jun 2026 – 31 Julai 2026													
3.	AUDIT SIRIM														
	(a) ISO 9001:2015	10 Ogos 2026 hingga 14 Ogos 2026	5 hari												
	(b) ISO/IEC 27001:2022	10 Ogos 2026 hingga 14 Ogos 2026	5 hari												
4.	KUAT KUASA DOKUMEN ISO	11 Februari 2026, 30 Jun 2026 & 30 Oktober 2026	3 kali												
5.	MESYUARAT JAWATANKUASA KUALITI	24 Februari 2026 & 8 Disember 2026	2 Kali												
6.	MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN (MKSP) QMS & ISMS	21 Julai 2026	1 kali												
7.	SAMBUTAN HARI KUALITI & INOVASI PERKHIDMATAN (HKIP) UPM	17 November 2026 (tertakluk pada pelaksanaan Majlis Konvokesyen UPM)	½ hari												

Nota:

- 1) Aktiviti yang dirancang menerusi takwim yang dibangunkan ini adalah berpandukan pelaksanaan Audit SIRIM@UPM yang perlu dilaksanakan mengikut tempoh pengauditan berdasarkan tempoh sah pensijilan QMS & ISMS bagi UPM.
- 2) Penilaian EKSA PTJ UPM tidak dilaksanakan secara bersekali dalam tempoh Audit Dalaman UPM 2026 bagi membantu kelancaran persediaan EKSA di PTJ untuk penilaian (Siri 2) dijalankan.
- 3) Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti UPM dirancang dengan kekerapan 2 kali pada tahun 2026 (Februari & Disember) berbanding 3 kali pada tahun 2025 atas justifikasi pelaksanaan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) QMS & ISMS dijadualkan pada Julai 2026. Format pelaporan akan diteliti bagi memastikan kecukupan dalam memenuhi keperluan pematuhan standard (QMS & ISMS).



SYOR:

Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti UPM Kali ke-64 dimohon untuk merakamkan perhatian berkenaan Takwim Aktiviti Kualiti Perkhidmatan UPM Tahun 2026 dan mengambil tindakan seperti berikut:

- i. memanjangkan hebahan Takwim Aktiviti Kualiti Perkhidmatan UPM Tahun 2026 ke peringkat PTJ; dan
- ii. menyelaraskan pelaksanaan aktiviti di PTJ dalam memberikan keutamaan kepada Takwim Aktiviti Kualiti Perkhidmatan UPM Tahun 2026 bagi mengelakkan sebarang pertindihan aktiviti.



Pertanian • Inovasi • Kehidupan
Berilmu Berbakti

Terima Kasih